

BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI

ISSN 2289-8964



Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

9 772289 896001

FREE MARKET 4.0

Siti Azlina Rosli, Ainnie Rahayu Abdullah & Nurul Izza Husin

Untuk julung kalinya pada tahun ini, Jabatan Sains Gunaan telah dijemput untuk terlibat bersama program FREE MARKET 4.0 pada 12 dan 13 Januari 2023 (Khamis dan Jumaat) yang bertempat di Laman Perdana. Program FREE MARKET 4.0 ini adalah anjuran Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED), UiTM Cawangan Pulau Pinang yang bertujuan memberikan barangan terpakai atau baharu secara PERCUMA kepada golongan asnaf dan B40 serta warga UiTM Cawangan Pulau Pinang yang berminat. Hampir semua pihak telah melibatkan diri dengan program kali ini iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Jabatan Sains Gunaan, Jabatan Pengurusan Perniagaan, Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Bertam (Fakulti Sains Kesihatan dan Farmasi) juga tidak ketinggalan pihak Pentadbiran UiTM Cawangan Pulau Pinang sendiri. Antara sumbangan barangan yang telah Jabatan Sains Gunaan berikan adalah terdiri daripada pakaian, tudung, aksesori, daun pandan, daun kari, dan bermacam-macam barang lain lagi yang berkonsepkan “NO NEED TO PAY, JUST ASK NICELY”.

